



TABUNG AMANAH ZAKAT
POLITEKNIK NILAI



LAPORAN TAHUNAN

PENGURUSAN TABUNG AMANAH ZAKAT (TAZ)

POLITEKNIK NILAI

2023



TABUNG AMANAH ZAKAT
POLITEKNIK NILAI



LAPORAN TAHUNAN PENGURUSAN TABUNG AMANAH ZAKAT (TAZ) POLITEKNIK NILAI 2023



TABUNG AMANAH ZAKAT
POLITEKNIK NILAI

Segala maklumat yang terkandung di dalam laporan ini adalah hak cipta terpelihara Jawatankuasa Tabung Amanah Zakat (TAZ), Politeknik Nilai.

Kandungan ini tidak boleh dicetak, diterbitkan semula atau digunakan untuk penjualan dalam apa jua bentuk penerbitan tanpa kebenaran bertulis daripada pihak Jawatankuasa Tabung Amanah Zakat (TAZ), Politeknik Nilai.

Diterbitkan oleh:
Politeknik Nilai Negeri Sembilan (PNS)
Kompleks Pendidikan Bandar Enstek, 71760, Bandar Enstek
Negeri Sembilan
<https://pns.mypolycc.edu.my>

eISSN: 3141-0774

SIDANG EDITOR

Ketua Sidang Editor

Pn. Hajah Rosmawati binti Razak

Editor

En. Shuharzi bin Md Salleh
En. Zainorhisyam bin Mohamad Nor
Pn. Syafawati Noorhafizah binti Adnan Adil
En. Muhamad Naim bin Abdul Halim
En. Muhammad Shibli bin Johari
En. Abdul Aziz bin Othman
Pn. Anis Arina binti Abdullah

Pembaca Prof

Dr. Hajah Nor Hayati Fatmi binti Talib

ISI KANDUNGAN

Pengenalan

- Visi dan Misi Politeknik Nilai
- Carta Organisasi
- Ucapan aluan

Aktiviti Jawatankuasa Tabung Amanah Zakat Politeknik Nilai

- Mesyuarat Jawatankuasa
- Kunjungan Hormat ke Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS)
- Bengkel Pengurusan Tabung Amanah Zakat Politeknik Nilai

Laporan Agihan

- Surat Pelantikan
- Borang Laporan Agihan Wakalah
- Peratus Agihan

Perincian Agihan Wakalah Zakat Politeknik Nilai

i- Bantuan Individu (Pelajar)

- Bantuan Sara Diri
- Bantuan Bencana
- Bantuan Pendidikan

ii- Program Pembangunan dan Kebajikan Pelajar

- *Grand TVET Debate Championship*
- Sukarelawan Minggu Suai Kenal (MSK)
- Majlis Anugerah Ketua Jabatan (Jabatan Kejuruteraan Mekanikal)

iii- Penyelenggaraan Fasiliti

- Pembelian Lampu Dewan Sri Putra (DSP)
- Penyelenggaraan 3 Blok Asrama Politeknik Nilai

iv- Tahfiz al-Quran, Program Sahsiah, Kerohanian & Pembudayaan Ilmu

- Program l'dadi Tahfiz al-Quran al-Karim
- Program Tahsin Surah al-Fatihah
- Program *Smart Solat* Semester 1
- Kursus Pengurusan Jenazah

Penghargaan

Rujukan

1

1

2

3

4

5

6

7

8

9-10

11

12

13

14

15

16-17

18

19

20

21

22

23

24

25

26

27

28

29

30

31

32

PENGENALAN

Jawatankuasa Pengurusan Tabung Amanah Zakat (TAZ), Politeknik Nilai merupakan sebuah jawatankuasa yang ditubuhkan bagi menguruskan wakalah zakat institusi yang telah diamanahkan oleh Jabatan Zakat, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) melalui surat Pelantikan bertarikh 13 Disember 2024.

Jawatankuasa ini berperanan untuk membuat agihan kepada empat golongan asnaf yang telah diamanahkan oleh Jabatan Zakat, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan iaitu fakir atau miskin atau mualaf atau fi sabilillah. Agihan yang dibuat perlu diteliti dengan sebaiknya agar menepati sasaran asnaf yang ditetapkan.

Justeru itu, atas amanah yang diberikan ini Jawatankuasa Pengurusan Tabung Amanah Zakat (TAZ) komited untuk membuat agihan 3/8 zakat hasil daripada pembayaran zakat kakitangan melalui potongan gaji bagi tahun 2023 yang berjumlah RM39,788.76 mengikut keperluan dan keutamaan.

Nilai



Amanah



Telus



Prihatin

Visi

- Menjadi sebuah organisasi yang menguruskan peruntukan wakalah zakat di institusi dengan komited, sistematik dan efisien.

Misi

- Menubuhkan jawatankuasa yang komited menggembeng tenaga untuk memantapkan pengurusan Tabung Amanah Zakat (TAZ).
- Memperkasakan pengurusan Tabung Amanah Zakat (TAZ) dengan merancang beberapa kaedah agihan dan permohonan yang lebih sistematik.
- Berusaha secara hoslitik untuk memantapkan pengurusan Tabung Amanah Zakat (TAZ) dengan menjalinkan kolaborasi dengan institusi lain yang menguruskan wakalah zakat institusi.

Carta Organisasi Jawatankuasa Tabung Amanah Zakat (TAZ) Politeknik Nilai

MAJLIS TERTINGGI

HAJI WAN ZULKIFLY BIN WAN ZAKARIA
Pengarah Politeknik Nilai/
Pengerusi TAZ

TS. HARUN BIN SAHAT
Timbalan Pengarah PNS/
Timbalan Pengerusi TAZ

SHUHZARZI BIN MD. SALLEH
Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik)/
Penyelaras TAZ

ZAINORHISYAM BIN MOHAMAD NOR
Ketua Unit Pendidikan Islam/
Penolong Penyelaras TAZ

ROSMAWATI BINTI RAZAK
Setiausaha

NURLIYANA BAU BINTI AFENDI BAU
Pen. Setiausaha

MUHAMAD NAIM BIN ABD. HALIM
Bendahari

MUHAMAD BISMIL BIN ABU BAKAR
Pen. Bendahari

PENASIHAT SYARIAH

DR. HAJI YUSNI BIN MOHAMAD YUSAK
Pensyarah Utama

DR. HJH. NOR HAYATI FATMI BINTI TALIB
Pensyarah Utama

DR. HJH. MAHNESSA BINTI AB KADIR
Pensyarah Utama

PN. HJH. NORFAZILA BINTI AHMAD
Pensyarah Utama

EN. JAMALIZAMANI BINTI JAMALUDDIN
Pensyarah Utama

PN. NORIAH BINTI NAWI
Pensyarah Kanan

AHLI JAWATANKUASA

PN. ISRUL HASRITA BINTI ISMAIL
Ketua Jabatan Perdagangan

TS. KHAIRUL NIZAM BIN KAMARUDIN
Ketua Jabatan Kejuruteraan Mekanikal

TS. AHMAD YAZID BIN RAHMAN
Ketua Jabatan Agroteknologi & Bio-Industri

PN. AZUA HANIM BINTI MOHD SAID
Ketua Jabatan Matematik, Sains & Komputer

PN. ROSMAWATI BINTI RAZAK
Ketua Jabatan Pengajian Am

PN. NURUL AIMI BINTI AHMAD SUANDI
Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar

Ucapan Aluan

Pengurusan zakat yang telus dan cekap merupakan elemen utama dalam membentuk kesejahteraan hidup para asnaf. Pelbagai kaedah telah dilakukan oleh institusi zakat negeri-negeri dalam agihan zakat di negeri masing-masing. Antaranya dengan memperkenalkan konsep wakalah dengan mewakilkan kuasa kepada pembayar zakat untuk mengagihkan sendiri wang zakat kepada golongan asnaf yang layak melalui pemulangan semula sejumlah wang zakat yang dibayar berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Politeknik Nilai (PNS) sebagai sebuah institusi yang telah dilantik untuk menerima wakalah zakat daripada Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) pada Disember 2024 telah menubuhkan Jawatankuasa Tabung Amanah Zakat (JK TAZ), PNS serta melaksanakan beberapa aktiviti bagi memantapkan pengurusan agihan zakat dengan lebih berkesan. Hasil aktiviti yang dilaksanakan, maka agihan kepada asnaf-asnaf telah dilakukan mengikut keperluan dan keutamaan berdasarkan keputusan bersama di peringkat JK TAZ, PNS. Pembahagian telah dilaksanakan dengan pertimbangan yang teliti agar menepati maqasid syariah yang telah ditetapkan.

Justeru, saya selaku Timbalan Pengerusi JK TAZ, PNS ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua warga PNS yang telah menunaikan zakat pendapatan melalui potongan gaji di institusi. 3/8 zakat anda telah dikembalikan ke institusi dan telah diuruskan dengan sebaiknya untuk manfaat institusi merangkumi bantuan individu pelajar, program pembangunan & kebajikan pelajar, tahfiz al-Quran dan pembudayaan ilmu, penyelenggaraan fasiliti dan lain-lain.

Tidak lupa juga kepada Jabatan Zakat, MAINS yang telah memberi tanggungjawab kepada PNS untuk menguruskan wakalah zakat. Pihak institusi telah sedaya upaya melaksanakan amanah ini dengan penuh komited.

Akhir kata, kepada semua muzakki semoga zakat yang ditunaikan ini menjadi pahala jariah dan pelaburan yang memberi keuntungan di akhirat sana. Semoga Allah SWT memberi keberkatan dalam setiap rezeki yang dianugerahkan. Sekian.

TS. HARUN BIN SAHAT
Timbalan Pengarah, Politeknik Nilai/
Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Tabung Amanah Zakat
Politeknik Nilai



**AKTIVITI-AKTIVITI
JAWATANKUASA
TABUNG AMANAH
ZAKAT (TAZ)
POLITEKNIK NILAI**

MESYUARAT JAWATANKUASA TABUNG AMANAH ZAKAT (TAZ) POLITEKNIK NILAI



22 November 2024
Jumaat



Bilik Raflesia,
Politeknik Nilai

Mesyuarat Jawatankuasa Tabung Amanah Zakat (TAZ) Politeknik Nilai Bil. 1/2024 telah diadakan di Bilik Raflesia, Politeknik Nilai bertujuan untuk membincangkan beberapa agenda merangkumi agihan wakalah, perancangan kunjungan hormat, lawatan penandaarasan dan hal-hal lain. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Tuan Haji Wan Zulkifly bin Wan Zakaria, mantan Pengarah Politeknik Nilai merangkap Pengerusi Tabung Amanah Zakat (TAZ) dan turut hadir En. Shuharzi bin Md Salleh, Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik) merangkap Penyelaras Tabung Amanah Zakat (TAZ). Turut hadir semua Ahli Jawatankuasa Pengurusan Tabung Amanah Zakat (TAZ) yang terdiri daripada ketua-ketua jabatan serta semua pensyarah di Unit Pendidikan Islam, Jabatan Pengajian Am, Politeknik Nilai.



KUNJUNGAN HORMAT KE MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN (MAINS)



04 Disember 2024
Rabu



Bilik Mesyuarat, Aras 16
Menara MAINS

Kunjungan hormat ini bertujuan untuk bertukar-tukar pandangan dan mendapatkan maklumat terperinci berkenaan pelaksanaan agihan wakalah zakat di bawah Pengurusan Tabung Amanah Zakat (TAZ), Politeknik Nilai. Kunjungan ini melibatkan seramai 7 orang Ahli Jawatankuasa Pengurusan Tabung Amanah Zakat (TAZ), Politeknik Nilai dan diketuai oleh En. Shuharzi bin Md. Salleh, Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik) merangkap Penyelaras Tabung Amanah Zakat (TAZ), Politeknik Nilai.



BENGGKEL PENGURUSAN TABUNG AMANAH ZAKAT (TAZ), POLITEKNIK NILAI



17 Disember 2024
Selasa




Bilik Kuliah 1, ULPL
Politeknik Nilai

Bengkel Pengurusan Tabung Amanah Zakat (TAZ), Politeknik Nilai telah diadakan di Bilik Kuliah 1, Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL). Bengkel ini bertujuan untuk membangunkan Garis Panduan Pengurusan Tabung Amanah Zakat (TAZ), Politeknik Nilai. Bengkel ini turut dihadiri oleh Tuan Haji Wan Zulkifly bin Wan Zakaria, mantan Pengarah, Politeknik Nilai merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Tabung Amanah Zakat (TAZ), Politeknik Nilai serta Ts. Harun bin Sahat, Timbalan Pengarah merangkap Timbalan Pengerusi Tabung Amanah Zakat (TAZ). Antara pengisian bengkel adalah perbincangan peruntukan Tabung Amanah Zakat (TAZ) bagi tahun 2024, pembinaan Garis Panduan Pengurusan Tabung Amanah Zakat (TAZ), pembentangan oleh setiap kumpulan dan rumusan bengkel.



LAPORAN AGIHAN

SURAT LANTIKAN

 <p>مجلس ائمة افراسلام نكري سبيلان MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN</p>	<p>06-765 1402/ 762 0643/ 762 2445/ 765 2751 06-762 0648 (Faks)</p> <p>info@mains.gov.my www.mains.gov.my</p> <p>Aras 14, Menara MAINS Jalan Taman Bunga 70100 Seremban Negeri Sembilan</p>
<p>DITERIMA 28 JAN 25 POLITEKNIK NILAI</p>	

Ruj.: MAINS 300-10/15 Bil. (32)
Tarikh: 13 Disember 2024/ 10 Jumada Al-Akhirah 1446H

Ts. Harun bin Sahat
Timbalan Pengarah
Politeknik Nilai
Kementerian Pendidikan Tinggi
Kompleks Pendidikan Bandar Enstek
71760 Bandar Enstek
Negeri Sembilan.
اَسْلَامٌ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَکَاتُهُ

PEJABAT PENGARAH	
KJ/KU/KP/PET/	UNTUK:
TPSA	TINDAKAN <input checked="" type="checkbox"/>
	MAKLUMAN <input type="checkbox"/>
	KEHADIRAN <input type="checkbox"/>
AKARIA	
NOTA: A - 24/1/25	

HAI WAN ZULKIFLY BIN WAN
PENGARAH
POLITEKNIK NILAI NEGERI SEMBILAN

Tuan,


PELANTIKAN PEMEGANG AMANAH WAKALAH ZAKAT KEPADA POLITEKNIK NILAI DARI MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN

Dengan hormatnya, merujuk perkara di atas.

- Pihak Majlis Agama Islam (MAINS) secara rasmi melantik Politeknik Nilai sebagai pemegang amanah wakalah 3/8 zakat hasil daripada pembayaran potongan zakat kakitangan melalui potongan gaji bagi tahun 2023.
- Oleh yang demikian, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) merakamkan ucapan terima kasih di atas kesudian pihak Politeknik Nilai mengambil tanggungjawab dan amanah dalam menguruskan wakalah 3/8 zakat ini untuk keperluan dan tujuan mengadakan program sahsiah dan pembangunan pelajar di Politeknik Nilai.
- Sebarang pertanyaan, sila hubungi **Puan Wan Aina Sabiha Binti Wan Hassan (019-2853475)**. Kerjasama dan perhatian daripada tuan/puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

BERIMAN, BERTAQWA, BARAKAH


IGNET @majlisagamaislamns



Sekian.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"BERBAKTI KERANA ALLAH"
"BERSIH . MUFAKAT . SEJAHTERA"

Saya yang menjalankan amanah,


(MAHADI/BIN ALI)
Pengeran Jabatan Zakat
Majlis Agama Islam Negeri Sembilan

Ahs/L/M02

BORANG LAPORAN AGIHAN WAKALAH

LAMPIRAN D

LAPORAN AGIHAN WAKALAH

Nama Majikan / Institusi : Pengarah/ Politeknik Nilai
 Alamat : Politeknik Nilai, Kompleks Pendidikan Bandar Enstek
 71760, Bandar Baru Enstek, Negeri Sembilan.

Jumlah Terimaan Wakalah : RM39,788.67
 Tarikh Terimaan : 28 Oktober 2024

BIL.	NAMA PENERIMA/ PROGRAM	NO. KAD PENGENALAN PENERIMA/ NO. PENDAFTARAN PELAJAR	KATEGORI ASNAF	JUMLAH TERIMAAN/ PERBELANJAAN (RM)	TARIKH PENERIMAAN	BAKI AGIHAN (RM)
1.	PROGRAM TAH SIN SURAH AL-FATIHAH	RAPI	FISABILILLAH	RM5400.00	25 OKTOBER 2024	RM34,388.67
2.	PROGRAM I'DADI TAHFIZ AL-QURAN AL-KARIM	UPI, JPA	FISABILILLAH	RM3850.00	15 NOVEMBER 2024	RM30,538.67
3.	PEMBELIAN LAMPU DEWAN SRI PUTRA	UPS	FISABILILLAH	RM3300.00	29 NOVEMBER 2024	RM27,238.67
4.	GRAND TVET DEBATE CHAMPIONSHIP	STAR TALENT PNS	FISABILILLAH	RM340.00	29 NOVEMBER 2024	RM26,898.67
5.	PENYELENGGARAAN TIGA (3) BLOK ASRAMA POLITEKNIK NILAI	UPS	FISABILILLAH	RM9975.00	3 DISEMBER 2024	RM16,923.67
6.	SUKARELAWAN MINGGU SUAI KENAL (MSK)	HEP	FISABILILLAH	RM4530.00	30 DISEMBER 2024	RM12,393.67
7.	PROGRAM SMART SOLAT (SEMESTER 1)	UPI, JPA	FISABILILLAH	RM4644.70	2 JANUARI 2025	RM7748.97
8.	MUHAMAD ABID ARFAN BIN MOHD ZAIDI	23DLH22F1058	MISKIN	RM300	16 JANUARI 2025	RM7448.97
9.	MUHAMMAD HASIF BIN AKIL	23DLH22F1013	MISKIN	RM300	16 JANUARI 2025	RM7148.97
10.	NURUL NAJIHAH BINTI MAT AZMAN	23DIB23F2004	MISKIN	RM300	16 JANUARI 2025	RM6848.97
11.	SITI NURUL SAZWANI BINTI ASDIN	23DLS23F1007	MISKIN	RM300	16 JANUARI 2025	RM6548.97
12.	MOHAMAD HAFIZUDDIN BIN ROSEDI	23DKM23F1057	MISKIN	RM300	16 JANUARI 2025	RM6248.97
13.	MUHAMMAD FAKRUL NIZAM BIN HASSAN	23DHL22F2023	MISKIN	RM300	16 JANUARI 2025	RM5948.97
14.	NOR WAHIDATUL SYAHIRA BINTI MOHD TARMIZI	23DIB22F2021	MISKIN	RM300	16 JANUARI 2025	RM5648.97
15.	HAZIQ SYAZWAN BIN SAIDI ABAHA@SAIDI AZHAR	23DBS22F2019	MISKIN	RM300	16 JANUARI 2025	RM5348.97
16.	MAJLIS ANUGERAH KETUA JABATAN (JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL)	JKM	FISABILILLAH	RM680.00	17 JANUARI 2025	RM4668.97
17.	KURSUS PENGURUSAN JENAZAH (SEMESTER 2)	UPI, JPA	FISABILILLAH	RM900.00	7 FEBRUARI 2025	RM3768.97
18.	SHAFIQRIY ZAKWAN BIN SHAHRISUL ZAMRY	060223140057	MISKIN	RM1050	FEB, MAC, APRIL 2025	RM2718.97
19.	NUR JANNAH BINTI MOHD NOR	060201120098	MISKIN	RM1050	FEB, MAC, APRIL 2025	RM1668.97
20.	NURBASYIRAH BINTI KHAIRUL ILMI	23DRM24F1060	MISKIN	RM556.33	6 MAC 2025	RM1112.64
21.	HALIMATUN NABIHAH BINTI NAZRI	23DIB22F2026	MISKIN	RM556.33	6 MAC 2025	RM556.31
22.	ALIYA SOFFIA MAWARDAH BINTI ABDUL YOSOF	23DIB22F2009	MISKIN	RM556.31	6 MAC 2025	0
JUMLAH KESELURUHAN AGIHAN						RM39,788.67


Disediakan Oleh : Muhammad Naim bin Abdul Halim
 Jawatan : Bendahari Tabung Amanah Zakat PNS





Tandatangan : 
 Tarikh : 20/11/2025

Disahkan Oleh : Shuharzi bin Md. Salleh
 Jawatan : Penyelaras Tabung Amanah Zakat PNS

Tandatangan : 
 Tarikh : 21/11/2025

PERATUS AGIHAN



-  Bantuan sara diri (16%)
-  Program pembangunan dan kebajikan pelajar (14%)
-  Penyelenggaraan fasiliti (33%)
-  Tahfiz al-Quran, program sahsiah, kerohanian & pembudayaan ilmu (37%)

PERINCIAN AGIHAN WAKALAH ZAKAT POLITEKNIK NILAI

I- BANTUAN INDIVIDU (PELAJAR)

BANTUAN INDIVIDU (SARA DIRI)

Jumlah Peruntukan
RM2100

- Jenis permohonan : Bantuan sara diri
- Maklumat penerima :
 - 1- Shafiqry Zakwan bin Sharizul Zamry
DBS1B
Diploma Sistem Maklumat Perniagaan
Jabatan Perdagangan
Jumlah diluluskan: RM1050.00
(RM350.00x 3 bulan)
 - 2- Nur Jannah bin Mohd Nor
DIF1A
Diploma Kewangan Islam
Jabatan Perdagangan
Jumlah diluluskan : RM1050.00
(RM350.00 x 3 bulan) 1.

Bantuan ini telah disampaikan oleh Timbalan Pengerusi Tabung Amanah Zakat (TAZ), Politeknik Nilai, Ts. Harun bin Sahat dan Ketua Jabatan Perdagangan, Puan Isrul Hasrita binti Ismail.

Semoga bantuan ini dapat meringankan beban pelajar untuk meneruskan pengajian di Politeknik Nilai dan dapat digunakan dengan sebaiknya untuk manfaat semasa tempoh pengajian khususnya di semester

1.



BANTUAN INDIVIDU (BENCANA)

Jumlah Peruntukan
RM2400

Permohonan bantuan bencana ini telah disaring oleh Unit Kebajikan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Politeknik Nilai pada Disember 2024 manakala permohonan ini telah diluluskan pada Januari 2025 oleh Jawatankuasa Tabung Amanah Zakat (TAZ), Politeknik Nilai. Seramai 8 orang pelajar yang terlibat dengan banjir telah menerima bantuan dengan jumlah RM300.00 setiap pelajar. Bantuan telah disampaikan oleh Penyelaras Tabung Amanah Zakat (TAZ), Encik Shuharzi bin Md Salleh.



Senarai nama pelajar yang menerima bantuan:

- 1- Muhammad Abid Arfan bin Mohd Zaidi (23DLH22F1058) - Latihan Industri
- 2- Muhammad Hasif bin Akil (23DLH22F1013) - Latihan Industri
- 3- Muhammad Fakrul Nizam bin Hassan (23DHL22F2023)
- 4- Nurul Najihah binti Mat Azman (23DIB23F2004)
- 5- Siti Nurul Sazwani binti Asdin (23DLS23F1007)
- 6- Nor Wahidatul Syahira binti Mohd Tarmizi (23DIB22F2021)
- 7- Haziq Syazwan bin Saidi Abaha (23DBS22F2019)
- 8- Mohamad Hafizuddin bin Rosedi (23DKM23F1057)



BANTUAN INDIVIDU (PENDIDIKAN)

Jumlah Peruntukan
RM1668.97

- Jenis permohonan: Bantuan pendidikan
- Maklumat penerima:

1- Nurbasyirah binti Khairul Ilmi
23DRM24F1060 (semester 5)
Diploma Pengurusan Peruncitan
Jabatan Perdagangan
Jumlah diluluskan: RM556.33

2- Aliya Soffia Mawardah binti Abd. Yusof
23DIB22F2009 (semester 5)
Diploma Kewangan Islam
Jabatan Perdagangan
Jumlah diluluskan: RM556.31

3- Halimatun Nabihah binti Nazri
23DIB22F2009 (semester 5)
Diploma Kewangan Islam
Jabatan Perdagangan
Jumlah diluluskan: RM556.33

Bantuan telah disampaikan oleh Puan Isrul Hasrita binti Ismail, Ketua Jabatan Perdagangan. Diharap bantuan ini dapat menampung perbelanjaan pengajian di semester 5 dan pelajar-pelajar dapat menamatkan pengajian dengan cemerlang selepas menjalani latihan industri.







II- PROGRAM PEMBANGUNAN & KEBAJIKAN PELAJAR

GRAND TVET DEBATE CHAMPIONSHIP

Jumlah Peruntukan
RM340

Pertandingan *Grand TVET Debate Championship* ini telah dilaksanakan secara atas talian dan dianjurkan oleh UniKL. Peserta daripada Politeknik Nilai telah berjaya melayakkan diri sehingga ke pusingan kelima. Tahniah diucapkan kepada peserta daripada PNS dan pensyarah pembimbing Puan Liyana binti Ibrahim.

- Jenis permohonan: Program pembangunan pelajar
- Permohonan oleh: Kelab *Star Talent* Politeknik Nilai
- Tarikh: 21-22 Disember 2024
- Maklumat peserta:
 - 1- Muhammad Faris bin Kamal
 - 2- Balqees binti Hajabardeen



SUKARELAWAN MINGGU SUAI KENAL (MSK)

Jumlah Peruntukan

RM4530

Minggu Suai Kenal (MSK) merupakan program wajib yang telah dilaksanakan kepada semua pelajar semester 1 bagi memberi maklumat awal berkaitan pengajian di Politeknik Nilai. Program ini telah dibantu oleh sukarelawan-sukarelawan daripada kelab-kelab pelajar di Politeknik Nilai.

- Jenis permohonan: Program pembangunan pelajar
- Permohonan oleh: Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP)
- Tarikh: 5 - 9 Januari 2025
- Maklumat sukarelawan:
 - Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)
 - Rakan Pusat Islam (RAPI)
 - Pembimbing Rakan Siswa (PRS)
 - Jawatankuasa Pelajar Kolej Kediaman (JPKK)



MAJLIS ANUGERAH KETUA JABATAN (JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL)

Jumlah Peruntukan

RM680

- Jenis permohonan: Program pembangunan pelajar
- Permohonan oleh: Jabatan Kejuruteraan Mekanikal
- Tarikh: 23 Januari 2025
- Tempat: Dewan Kuliah Utama
- Maklumat penerima : 34 orang pelajar muslim yang mendapat Anugerah Ketua Jabatan.
- Justifikasi: Program ini adalah di bawah peruntukan asnaf fi sabilillah.

Majlis Anugerah Ketua Jabatan dianjurkan bertujuan untuk menghargai usaha, dedikasi dan komitmen pelajar yang telah mencapai kejayaan luar biasa sepanjang sesi pengajian. Anugerah ini telah disampaikan oleh Ts. Khairul Nizam bin Kamaruddin, Ketua Jabatan Kejuruteraan Mekanikal. Semoga peruntukan yang diberikan dapat membantu jabatan untuk menganjurkan majlis yang menjadi inspirasi kepada pelajar untuk terus cemerlang dalam pengajian.







III- PENYELENGGARAAN FASILITI

PEMBELIAN LAMPU DEWAN SRI PUTRA (DSP)

Jumlah Peruntukan

RM3300

- Jenis permohonan: Penyelenggaraan fasiliti
- Permohonan oleh: Unit Pembangunan dan Senggaraan
- Tarikh: 2 Disember 2024
- Tempat: Dewan Sri Putra (DSP)
- Justifikasi: Permohonan bantuan kecemasan untuk kerja-kerja penyelenggaraan, pemeriksaan, penggantian lampu baru ini diluluskan bagi memastikan pendawaian serta lampu berfungsi dengan baik. Penyelenggaraan ini dilaksanakan kerana Dewan Sri Putra (DSP) digunakan sebagai dewan peperiksaan untuk pelajar-pelajar yang menduduki peperiksaan akhir.



PENYELENGGARAAN 3 BLOK ASRAMA POLITEKNIK NILAI

Jumlah Peruntukan
RM9975

- Jenis permohonan: Penyelenggaraan fasiliti
- Permohonan oleh: Unit Pembangunan dan Senggaraan
- Tarikh: Sepanjang bulan Disember 2024 - Januari 2025
- Tempat: Asrama Meranti, Cengal dan Jati
- Justifikasi: Permohonan bantuan untuk penyelenggaraan fasiliti asrama yang rosak telah diluluskan oleh Jawatankuasa Tabung Amanah Zakat (TAZ) bagi memberi keselesaan kepada pelajar-pelajar yang menginap di asrama.





IV- TAHFIZ AL-QURAN, PROGRAM SAHSIAH, KEROHANIAN & PEMBUDAYAAN ILMU

PROGRAM I'DADI TAHFIZ AL-QURAN AL-KARIM

Jumlah Peruntukan

RM3850

- Jenis permohonan: Program Tahfiz al-Quran
- Permohonan oleh: Unit Pendidikan Islam, Jabatan Pengajian Am
- Tarikh: 14 Ogos - 14 November 2024
- Tempat: Pusat Islam Al-Kauthar
- Justifikasi: Permohonan peruntukan bagi program I'dadi Tahfiz al-Quran al-Karim ini telah digunakan bagi sesi pengajian & tasmik seperti pembelian buku-buku modul, saguhati kepada tenaga pengajar serta cenderahati kepada pelajar-pelajar yang telah menyelesaikan hafazan dengan cemerlang.



PROGRAM TAHSIN SURAH AL-FATIHAH

Jumlah Peruntukan

RM5400

- Jenis permohonan: Program Kerohanian
- Permohonan oleh: Rakan Pusat Islam (RAPI)
- Tarikh: 27 Oktober 2024 (Ahad)
- Tempat: Pusat Islam Al-Kauthar
- Peserta: 400 orang pelajar muslim
- Impak: Program ini telah membantu peserta memperbaiki sebutan makhraj huruf, tafsir ayat-ayat dalam surah al-Fatihah serta mengamalkan surah al-Fatihah sebagai perisai kekuatan spiritual pelajar.



PROGRAM SMART SOLAT SEMESTER 1

Jumlah Peruntukan

RM4644.70

- Jenis permohonan: Program Kerohanian
- Permohonan oleh: Unit Pendidikan Islam, JPA & RAPI
- Tarikh: 9 Januari 2025
- Tempat: Pusat Islam Al-Kauthar
- Peserta: 300 orang pelajar muslim (semester 1)
- Impak: Melalui program ini, pelajar dapat mempraktikkan ibadah solat dengan cara yang lebih tepat mengikut panduan syariat dan diharap para pelajar sentiasa memelihara solat fardhu 5 waktu yang menjadi tiang agama seorang muslim.



KURSUS PENGURUSAN JENAZAH


Jumlah Peruntukan

RM900


- Jenis permohonan: Program Kerohanian
- Permohonan oleh: Unit Pendidikan Islam, Jabatan Pengajian Am
- Tarikh: 8 Februari 2025
- Tempat: Pusat Islam Al-Kauthar
- Peserta: 80 orang pelajar muslim (semester 1- 5)
- Impak: Melalui program ini, pelajar dapat mempelajari berkaitan pengurusan jenazah merangkumi cara memandikan jenazah, cara mengkafankan jenazah serta cara solat jenazah. Semoga program ini dapat memberi keyakinan kepada pelajar apabila menghadapi situasi realiti yang melibatkan kematian dengan melaksanakan perkara yang menjadi fardhu kifayah kepada masyarakat muslim.



Sekalung penghargaan kepada :

 *Semua warga Politeknik Nilai yang telah menunaikan zakat pendapatan melalui potongan gaji di institusi*

 *Jabatan Zakat, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS)*

 *Semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam memudahkan pengurusan Jawatankuasa Tabung Amanah Zakat (TAZ), Politeknik Nilai*



RUJUKAN

Azman Ab Rahman, Ammar Badruddin Romli, Muhammad Faiz Abd Shakor, Mohd Noor Daud & Azme Matali. (2024). Amalan Wakalah Pengurusan Zakat di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*. Negeri Sembilan: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.

Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. (t.t.). *Garis Panduan Wakalah Zakat*. Seremban: Majlis Agama Islam Negeri Sembilan.

Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. (t.t.). *Panduan Pengiraan Zakat*. Seremban: Majlis Agama Islam Negeri Sembilan.

Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS). (2026). *Perkhidmatan zakat*. Dicapai daripada portal rasmi MAINS: https://portal.mains.gov.my/perkhidmatanv3?utm_source=chatgpt.com

Muhsin Nor Paizin & Suhaili Sarif. (2021). *Limitasi Penggunaan Konsep Wakalah dalam Sistem Pengurusan Zakat di Malaysia*. *Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*. Selangor: Penerbit Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

Jawatankuasa Tabung Amanah Zakat (TAZ)
Politeknik Nilai
Kompleks Pendidikan Bandar Enstek
71760 Bandar Enstek
Negeri Sembilan

eISSN 3141-0774



9 773141 077002